



25 November 2021  
25 November 2021  
P.U. (A) 426

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (EFLUEN TERLARANG) 2021

### *WATER SERVICES INDUSTRY (PROHIBITED EFFLUENT) REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR  
(EFLUEN TERLARANG) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 179 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*] dibaca bersama seksyen 2 dan perenggan 61(1)(a), Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Efluen Terlarang) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2021.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “proses rawatan kumbahan” ertinya suatu turutan proses yang sesuai yang dipilih untuk memastikan standard efluen boleh dipatuhi di bawah operasi biasa suatu tempat rawatan kumbahan.

**Pelepasan efluen terlarang**

3. (1) Tiada seorang pun boleh melepaskan atau membenarkan dilepaskan ke dalam mana-mana pemetang awam atau tempat rawatan kumbahan awam, apa-apa efluen terlarang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, tanpa kelulusan Suruhanjaya.

(2) Apa-apa permohonan untuk kelulusan Suruhanjaya di bawah subperaturan (1) boleh dibuat dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

**Jadual**

4. Bagi maksud Akta dan Peraturan-Peraturan ini, efluen terlarang adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL  
[Peraturan 4]  
EFLUEN TERLARANG

(1) Lepas mengandungi bahan cemar, termasuk bahan cemar yang memerlukan oksigen, dalam kuantiti aliran atau kepekatan yang mencukupi, sama ada secara individu atau melalui interaksi dengan bahan pencemar yang lain, yang menyebabkan gangguan dalam tempat rawatan kumbahan termasuk tetapi tidak terhad kepada, bahan-bahan yang menyebabkan kepekatan bahan melebihi kepekatan yang dinyatakan di bawah:

| Item | Parameter                         | Unit | Had                                                   |
|------|-----------------------------------|------|-------------------------------------------------------|
| 1.   | Suhu                              | °C   | 40                                                    |
| 2.   | pH                                | -    | Tidak rendah daripada 6.0<br>Tidak lebih daripada 9.0 |
| 3.   | Permintaan Oksigen Biokimia (BOD) | mg/l | 250                                                   |
| 4.   | Pepejal Terampai (SS)             | mg/l | 300                                                   |
| 5.   | Permintaan Oksigen Kimia (COD)    | mg/l | 500                                                   |
| 6.   | Jumlah Nitrogen (TN)              | mg/l | 50                                                    |
| 7.   | Ammoniacal Nitrogen (AMN)         | mg/l | 30                                                    |
| 8.   | Jumlah Phosphorus (TP)            | mg/l | 10                                                    |
| 9.   | Minyak dan Gris (O&G)             | mg/l | 50                                                    |

(2) Apa-apa lepasan dan bahan yang melalui tempat rawatan kumbahan dan menyebabkan pelanggaran Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 [P.U. (A) 432/2009];

(3) Apa-apa lepasan dan bahan yang menjejaskan pelepasan enap cemar kumbahan sebagai sebatian organik;

(4) Apa-apa lepasan dan bahan dengan warna yang meragukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sisa pewarna dan larutan penyamakan nabati, yang akan melalui tempat rawatan kumbahan dan masuk ke dalam alur air tanpa dirawat secara efektif oleh proses-proses rawatan kumbahan, yang—

- (i) tidak bertindak balas terhadap proses-proses rawatan kumbahan dan kemudahan rawatan pembetungan yang digunakan; atau
- (ii) bertindak balas terhadap proses-proses rawatan kumbahan tetapi tidak sehingga tahap rawatan yang efluen itu tidak boleh memenuhi kehendak undang-undang yang terpakai bagi pelupusan atau rawatan efluen kumbahan dan pelupusan enap cemar kumbahan;

(5) Apa-apa lepasan dan bahan yang merosakkan, mengurangkan fungsi, mengganggu atau menyebabkan gangguan kepada sistem pembetungan dan fungsi-fungsinya atau mewujudkan kesan toksik di dalam alur air yang menjadi bahaya kepada manusia atau haiwan termasuk tetapi tidak terhad kepada—

- (i) bahan pencuci, ejen permukaan aktif atau apa-apa bahan yang boleh menyebabkan buih berlebihan;
- (ii) pepejal, cecair, gas, wap atau wasap toksik atau beracun;
- (iii) ammonia, garam ammonia atau apa-apa ejen pengkelat yang akan menghasilkan kompleks metalik;
- (iv) fenol, hidrogen sulfida atau lain-lain bahan penghasil rasa dan bau;
- (v) bahan pencemar yang dibawa melalui tangki;
- (vi) logam berat;
- (vii) bahan-bahan berasid yang mengandungi pH rendah daripada 6.0 atau asid kuat atau larutan penyaduran pekat sama ada dineutralkan atau tidak;